Sistem lif penumpang di UMK Bachok adalah mematuhi Akta Kilang dan Jentera, 1967 di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dimana setiap sistem lif mempunyai Sijil Perakuan Kelayakan (CF) daripada JKKP. Terdapat enam (6) unit sistem lif di bangunan UMK Bachok.

BIL	BANGUNAN	BILANGAN SISTEM LIF	NO. PENDAFTARAN
1.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	1	KN PMA 847
2.	Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE)	2	KN PMA 848 & KN PMA 849
3.	Canselori	2	KN PMA 80121 & KN PMA 80122
4.	Perpustakaan Utama	1	KN PMA 80166
JUMLAH		6	

Senarai Sistem Lif Penumpang di UMK Bachok

Unit Kerja Mekanikal di bawah Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) adalah bertanggungjawab memastikan Perakuan Kelayakan (CF) bagi enam (6) unit sistem lif tersebut sentiasa diperbaharui setiap lima belas (15) bulan sekali termasuk pemeriksaan oleh Competent Person (CP) dan pihak JKKP.

AKTIVITI TAHUN 2022

BIL	TARIKH	AKTIVITI	GAMBAR
1	17-18/01/2022	Pemeriksaan Kerosakan Infrastruktur Ruang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Bangunan Fakulti Senibina dan Ekistik dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	
2	15/2/2022	Pemeriksaan Kerosakan Infrastruktur di Klinik Veterinar UMK Bachok	

3	7/3/2022	Pemeriksaan Kerosakan Infrastruktur Ruang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Blok A,B,dan C di Kampus Kota	
4	16/6/2022	Lawatan Penanda Aras Projek Solar di Universiti Sains Malaysia (USM)	
5	27/6/2022	Lawatan TNB di UMK Bachok dan Kampus Kota	
6	28-29/6/2022	Pemeriksaan Kerosakan Infrastruktur di Bangunan Dewan Tuanku Canselori (DTC) dan Kompleks Akademik	
7	14/08/2022	Pemeriksaan memperbaharui Sijil Perakuan Kelayakan (CF) bagi enam (6) unit sistem lif di UMK Bachok.	



Laporan Prestasi 3PI 2022 PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI)

Bab 4

PENGURUSAN FASILITI




”

BAHAGIAN PERKHIDMATAN (BPK) PADA MASA KINI TELAH BERTUKAR KEPADA NAMA BAHARU IAITU BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI (BPF), PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK). BPF BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENGURUSKAN PENGURUSAN RUANG DALAMAN UMK, PEROLEHAN DAN SEWAAN RUANG, PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN, PENGURUSAN PERSIAPAN TEMPAT DAN PERALATAN AUDIO, VERIFIKASI ASET UNIVERSITI SERTA PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA DAN TENDER.


PENGURUSAN RUANG DALAMAN

Ruang adalah ditakrifkan sebagai tempat atau kawasan sama ada di dalam atau luar bangunan yang dimiliki atau dikuasai Universiti bagi tujuan tertentu atau untuk kegunaan manusia atau haiwan berdasarkan Polisi Pengurusan Ruang Universiti yang diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Univeriti Bil 1/2021 (Kali Ke-57). Ruang Universiti perlu diuruskan dengan sewajarnya berdasarkan punca kuasa dalam meluluskan sebarang permohonan berkaitan ruang oleh PTj di UMK. Pada tahun 2022, BPF 3PI telah berjaya menguruskan 113 permohonan ruang daripada PTj yang merangkumi 69 permohonan perubahan ruang dan 44 permohonan penggunaan ruang seperti berikut:


Bilangan Permohonan Ruang Mengikut Kategori




Bilangan Permohonan Ruang Mengikut Kampus UMK



Kelulusan Permohonan Penggunaan Ruang



Kelulusan Permohonan Perubahan Ruang





PEROLEHAN RUANG

Perolehan ruang secara sewaan adalah melibatkan ruang tambahan yang diperlukan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (PDP), keperluan penginapan pelajar, keperluan pejabat dan lain-lain keperluan berdasarkan permintaan daripada PTj di UMK. Perolehan yang dijalankan adalah perolehan secara rundingan terus mengikut


tatacara dan garis panduan yang ditetapkan melalui kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mengikut sumber peruntukan. Berikut adalah merupakan senarai kelulusan sewaan yang berjaya diuruskan sepanjang tahun 2022:

BIL	RUANG PREMIS	TARIKH KELULUSAN LPU	TEMPOH SEWAAN	KOS SEWAAN SETAHUN (RM)	SUMBER PERUNTUKAN
1	PT1147 hingga PT1159 Taman Bendahara (Blok G dan K)	28 Mac 2022	1 April 2022 hingga 31 Mac	331,680.00	Mengurus 3PI
2	PT5072 hingga PT5078 Jalan Padang Tembak (Fakulti Perubatan Veterinar)	28 Mac 2022	1 April 2022 hingga 31 Mac 2025	282,000.00	Mengurus 3PI
3	Kolej Kediaman Sri Kemumin	18 Okt 2022	1 Nov 2022 hingga 31 Okt 2025	936,000.00	Mengurus 3PI
4	Kolej Kediaman Wisma Atira	17 Nov 2022	1 Feb 2023 hingga 28 Feb 2025	1,197,600.00	Tabung Amanah Penginapan Pelajar
5	PT4434 Jalan Padang Tembak (Fakulti Perubatan Veterinar)	15 Dis 2022	1 Jan 2023 hingga 31 Dis 2025	762,000.00	Mengurus 3PI
6	M-01-07 Conezion Commercial, IOI Putrajaya (UMK Putrajaya)	20 Dis 2022	1 Jan 2023 hingga 31 Dis 2025	78,000.00	Mengurus 3PI

Maklumat sewaan ruang yang berjaya diuruskan untuk tahun 2022

PENJANAAN PENDAPATAN MELALUI SEWAAN RUANG UMK

Ruang merupakan sumber bagi penjanaaan pendapatan secara pasif di UMK dan mampu memberikan pulangan yang konsisten melalui tadbir urus yang baik dengan memberi fokus secara mendalam melalui inisiatif menggalakkan agensi Kerajaan dan swasta untuk menyewa ruang di UMK bagi penganjuran aktiviti dan program dengan bayaran yang berpatutan. Jumlah keseluruhan sewaan yang dijana bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM47,032.84 dan disalurkan ke akaun Universiti Malaysia Kelantan. Penjanaaan pendapatan melalui sewaan ruang adalah seperti di bawah.



Penjanaaan pendapatan melalui sewaan ruang 2022

BIL	RUANG	KELUASAN	KAPASITI	KADAR SEWAAN/JAM (RM)	
				KERAJAAN	BUKAN KERAJAAN
UMK BACHOK					
1.	Bilik Kuliah	93.5m ²	30 orang	40.00	70.00
2.	Bilik Seminar	235m ²	130 orang	120.00	200.00
3.	Auditorium	153.5m ²	120 orang	80.00	130.00
4.	Bilik Mesyuarat Senat	142.4m ²	90 orang	77.00	122.00
5.	Dewan Tuanku Canselor	2,850m ²	1,800 orang	600.00	900.00



UMK KAMPUS KOTA					
7.	Bilik Kuliah	83m ²	120 orang	41.00	71.00
8.	Bilik Mesyuarat Eksekutif	65m ²	15 orang	32.00	56.00
9.	Dewan Keusahawanan	485.85m ²	120 orang	200.00	240.00
UMK KAMPUS JELI					
10.	Bilik Kuliah	52.2m ²	30 orang	32.00	51.00
11.	Dewan Kuliah	125m ²	110 orang	75.00	120.00
12.	Bilik Mesyuarat	96m ²	40 orang	57.00	92.00
13.	Dewan Utama	1622m ²	1500 orang	135.00	172.00


Senarai Kadar Sewaan Ruang Dalaman UMK



VERIFIKASI ASET DAN INVENTORI 3PI

Aset dan inventori merupakan harta benda kepunyaan atau milikan di bawah kawalan kerajaan yang dibeli atau disewa beli dengan wang Kerajaan. Pemilikan atau perolehan aset dan inventori dilaksanakan melalui proses perundangan dan juga diterima

melalui sumbangan atau hadiah. Verifikasi aset merupakan tindakan untuk memeriksa rekod dan fizikal aset yang terdapat di PTj. Sebanyak 834 aset telah melalui proses verifikasi yang dilaksanakan oleh 5 staf bermula pada tahun 2016 sehingga 2022 seperti dibawah:




Verifikasi Aset dan Inventori

PERSIAPAN TEMPAT DAN PERALATAN AUDIO

Sebagai menyokong usaha Universiti dalam penganjuran majlis atau sebarang aktiviti bagi PDP yang telah dirancang oleh warga UMK dengan lancar. BPF telah terlibat dengan memberikan komitmen dalam menguruskan persiapan tempat dan peralatan audio untuk sejumlah 83 aktiviti dan program yang telah berlangsung di sepanjang tahun 2022.



Antara penganjuran program Universiti yang Disokong oleh 3PI Melalui BPF



Penglibatan 3PI Dalam Pelaksanaan Majlis Anjuran Universiti Melalui Penyediaan Perkhidmatan Persiapan Tempat Dan Peralatan Audio

PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN

Skop di bawah pembersihan dan pencucian ini meliputi perkhidmatan mencuci dan membersihkan bangunan seperti ruang pejabat, ruang asrama, ruang pengajaran dan pembelajaran, cafeteria, ruang terbuka dan perkhidmatan pemotongan rumput dan pembersihan persekitaran UMK keseluruhannya termasuk perkhidmatan membuang sampah dari UMK ke pusat pelupusan sampah. Perbelanjaan bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan dan persekitaran adalah seperti jadual dibawah

BIL	PERKHIDMATAN	TAHUN 2021	TAHUN 2022
1.	UMK BACHOK		
	i) Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan	1,434,004.87	1,434,004.87 (0.00%)
	ii) Perkhidmatan Memotong Rumput dan Membersih Kawasan	256,113.08	361,353.67 (+41.09%)
	JUMLAH (RM) A	1,690,117.95	1,795,358.53 (+6.23%)
2.	UMK KAMPUS KOTA		
	i) Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan	875,941.40	854,888.89 (-2.40%)
	JUMLAH (RM) A	875,941.40	854,888.89 (-2.40%)
	JUMLAH (RM) A+B+C	2,215,117.94	2,650,247.42 (+19.64%)

Perbelanjaan Bagi Perkhidmatan Pembersihan Dan Pencucian Bangunan Serta Pembersihan Kawasan Luar Bangunan bagi UMK Bachok dan UMK Kampus Kota Tahun 2021 hingga 2022


Bagi memastikan perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan sentiasa menepati kepuasan pelanggan, BPF telah membuat kajian melalui soal selidik kepada seluruh staff UMK yang dilaksanakan sebanyak dua kali pada tahun 2022 bagi menilai kepuasan

pelanggan di antara bulan Januari 2022 hingga Disember 2022. Soal selidik ini melibatkan 3 Zon di UMK Bachok dan 3 Zon di UMK Kampus Kota. Soal selidik ini diukur berdasarkan kriteria seperti berikut:



Pembahagian Zon bagi Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Bangunan UMK Bachok dan UMK Kampus Kota






Kriteria Pemarkahan Kaji Selidik Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Bangunan di UMK

JULAT PERATUSAN MARKAH	PENARAFAN BINTANG	ULASAN
85% - 100%	5.0 RATING ★★★★★	CEMERLANG
75% - 84%	4.0 RATING ★★★★☆	BAIK
65% - 74%	3.0 RATING ★★★☆☆	MEMUASKAN
55% - 64%	2.0 RATING ★★☆☆☆	SEDERHANA
0% - 54%	1.0 RATING ★☆☆☆☆	TIDAK MEMUASKAN

Kriteria Penarafan Bintang bagi Kaji Selidik Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Bangunan di UMK

Terdapat sebanyak 6 kontrak perkhidmatan yang terlibat dalam kaji selidik ini. Dapatan kajian digunakan bagi mengukur prestasi semasa kontraktor melalui penarafan bintang berdasarkan markah yang diperolehi. Dapatan kajian juga turut digunakan bagi menambahbaik kualiti perkhidmatan. Keputusan kajian kepuasan pelanggan adalah seperti berikut:



Keputusan Kaji Selidik Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan Pencucian dan Pembersihan Bangunan di UMK Bachok dan UMK Kampus Kota bagi Tahun 2022

PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA DAN TENDER

Perolehan yang diuruskan adalah samada secara sebutharga atau tender meliputi perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan. Ianya diuruskan berdasarkan amalan tadbir urus baik dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam. Berikut adalah perolehan yang telah selesai pelantikan kontraktor atau pembekal pada tahun 2022:

RUMUSAN PEROLEHAN 2022

Perolehan yang diuruskan adalah samada secara sebutharga atau tender meliputi perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan



RM21.8j

Nilai keseluruhan perolehan diuruskan oleh 3PI pada tahun 2022.

RM742,543.80.00


55 Unit Perolehan bernilai melebihi RM1K sehingga RM20K

RM7,356,482.23


50 Unit Perolehan bernilai melebihi RM20K sehingga RM500K

RM13,728,200.00


7 Unit Perolehan bernilai melebihi RM500K



Bilangan Perolehan yang Diuruskan bagi Had Nilai Perolehan RM1,001.00 Hingga RM20,000.00



Bilangan Perolehan yang Diuruskan bagi Had Nilai Perolehan RM20,001.00 Hingga RM500,000.00



Bilangan Perolehan yang Diuruskan bagi Had Nilai Perolehan Melebihi RM500,001.00



Laporan Prestasi 3PI 2022 PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI)

Bab 5

PENGURUSAN PROJEK



PENGURUSAN PROJEK

Bahagian Pengurusan Projek memainkan peranan penting dalam perancangan, pengurusan dan pemantauan projek-projek pembangunan, pembinaan baharu, ubah suai dan naik taraf infrastruktur Universiti melalui peruntukan pembangunan, peruntukan dalaman dan tabung amanah/geran/wakaf. Bahagian ini terdiri daripada tiga unit dengan kekuatan 10 staf :



FUNGSI

- Mengurus rekod Lukisan Siap Bina dan rekod perakuan bangunan
- Mengurus kerja kejuruteraan (awam & struktur, mekanikal dan elektrik) universiti
- Menyediakan Laporan Kemajuan Pembangunan Fizikal Universiti dan mengemukakan kepada pihak-pihak berkepentingan
- Merancang dan mengurus projek pembinaan baharu, kerja ubah suai dan naik taraf Infrastruktur Universiti (RM20,000.01 dan ke atas)

PERKHIDMATAN

- i) Penyediaan dan pengurusan dokumen permohonan projek pembangunan fizikal (tidak termasuk fizikal peralatan) Universiti di bawah Rancangan Malaysia.
- ii) Penyediaan rekabentuk (senibina, awam & struktur, mekanikal dan elektrik) termasuk Lukisan Rekabentuk, Lukisan Tender, Senarai Kuantiti (mekanikal/ elektrik sahaja) projek pembinaan baharu, kerja ubah suai dan naik taraf Infrastruktur Universiti (RM20,000.01 dan ke atas) selain peruntukan pembangunan mengikut keperluan projek selaras dengan peraturan kerajaan yang berkuatkuasa (tidak termasuk Infostruktur/ ICT/ Siaraya) seperti berikut:-
 - Kerja Awam dan Struktur
 - Kerja Tanah
 - Pagar Kawasan
 - Kerja Struktur & Bangunan
 - Sistem Jalan Termasuk Jalan Masuk dan Jalan Dalaman
 - Sistem Perparitan dan Saliran (termasuk saliran permukaan)

- Sistem Rawatan Kumbahan (Pembentungan)
 - Sistem Bekalan Air ke Bangunan
 - Tempat Letak Kenderaan
 - Kerja Elektrik
 - Kecekapan Tenaga
 - Sistem Pencahayaan
 - Janakuasa Tunggu Sedia
 - Kerja *Low Voltage (LV)* Termasuk Bagi Kegunaan Sistem *Extra Low Voltage (ELV)* dan Kerja *High Voltage (HT)* - sistem bekalan elektrik ke bangunan
 - Pencahayaan Luar Bangunan (lampu jalan dan lampu laman)
 - Sistem Perlindungan Kilat
 - Kerja Mekanikal
 - Mesin Angkat Lif
 - Kecekapan Penggunaan Tenaga
 - Sistem Paip Air Dalaman dan Sanitari
 - Sistem Pencegah Kebakaran (termasuk sistem penggera kebakaran dan alat pemadam api)
 - Sistem Penyaman Udara dan Pengudaraan
- iii) Khidmat nasihat dan penyelarasan keperluan senibina, awam & struktur, mekanikal, elektrik dan sistem bangunan bagi projek pembangunan fizikal universiti di bawah Agensi Pelaksana.
- iv) Khidmat nasihat kesesuaian tapak serta keperluan senibina, awam & struktur, mekanikal, elektrik dan sistem bangunan bagi pelaksanaan sesuatu projek
- v) Penyediaan spesifikasi dan pendaftaran aset/inventori (projek pembinaan baharu/ ubah suai/ naik taraf yang melibatkan perolehan aset/inventori).
- vi) Khidmat nasihat dan pemeriksaan sistem mekanikal/ elektrik sedia ada sesuatu ruang bagi tujuan penambahbaikan/ naik taraf sistem tersebut.
- vii) Penyelarasan hal berkaitan pembangunan fizikal universiti dengan Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi.
- viii) Penyediaan Terma Rujukan pelantikan perunding dan pengurusan serta pemantauan kerja perunding.
- ix) Penyediaan pernyataan keperluan/ kehendak kerajaan (need statement) projek Reka dan Bina.
- x) Penyediaan anggaran jabatan dan bagi skop kerja mekanikal dan elektrik projek.
- xi) Pemantauan dan penyeliaan tapak bina
- xii) Pengurusan bayaran projek





RINGKASAN PROJEK DI BAWAH RMKE-10/ RMKE-11 SAMBUNGAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

TELAH MELAKSANAKAN 14 PROJEK DI BAWAH
RANCANGAN MALAYSIA KE-10 / RANCANGAN
KESEBELAS (RMKE-11) SAMBUNGAN DENGAN
KOS KESELURUHAN SEBANYAK

RM180 JUTA

NAMA PROJEK

1. Pembinaan Bangunan Canselori dan Gunasama Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok
2. Pembinaan Bangunan Perpustakaan Utama Kampus Bachok
3. Pembinaan Bangunan Fakulti Sains Bumi Kampus Jeli
4. Pembinaan Dewan Terbuka, Kampus Jeli
5. Pembinaan Pusat Islam & Masjid, Kampus Jeli
6. Pembinaan Bangunan Perpustakaan Kampus Jeli
7. Pembinaan Bangunan Pusat Pentadbiran & Mahasiswa, Kampus Jeli
8. Pembinaan Jalan Utama, Jaringan Jalan Dalam Kampus dan Kerja-Kerja Infrastruktur Kampus Jeli
9. Pembinaan Jalan Utama, Jaringan Jalan Dalam Kampus dan Kerja-Kerja Infrastruktur Kampus Bachok
10. Pembinaan Bangunan Kompleks Akademik dan Dewan Utama Kampus Bachok
11. Pembinaan Kompleks Sukan Kampus Bachok (Bangunan Astaka)
12. Pembinaan Pusat Islam & Masjid, Kampus Bachok
13. Pembinaan Bangunan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah Kampus Bachok
14. Pembinaan Pusat Mahasiswa, Kampus Bachok

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KAMPUS BACHOK

CANSELORI



Keluasan : 9,950.49 m.p

PERPUSTAKAAN UTAMA



Keluasan : 7,492.00 m.p

KOMPLEKS AKADEMIK



Keluasan : 12,949.72 m.p

PUSAT ISLAM & MASJID



Keluasan : 3,629.75 m.p

PUSAT SUKAN



Keluasan : 789.65 m.p

PUSAT MAHASISWA



Keluasan : 3,330.00 m.p

PUSAT PENGAJIAN BAHASA



Keluasan : 3,330.09 m.p



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KAMPUS JELI

PUSAT ISLAM & MASJID



Keluasan : 1,078.80 m.p

DEWAN TERBUKA



Keluasan : 2,076.94 m.p

FAKULTI SAINS BUMI



Keluasan : 3,760.46 m.p

PERPUSTAKAAN



Keluasan : 3,174.00 m.p

PUSAT PENTADBIRAN & MAHSISWA



Keluasan : 2,099.80 m.p



PEMBINAAN BANGUNAN KOMPLEKS FAKULTI KEUSAHAWANAN, KAMPUS BACHOK

Objektif	Pembinaan bangunan fakulti yang mengandungi pejabat pentadbiran, ruang akademia, ruang pengajaran dan pembelajaran seperti makmal simulasi pengajaran dan bilik pascasiswazah.
Kapasiti	509 orang
Tarikh Mula	28.07.2021
Tarikh Jangka Siap	23.01.2024
Kos Projek	RM 31 juta



PEMBINAAN KOMPLEKS GUNASAMA DAN PENGAJARAN BERPUSAT, KAMPUS BACHOK

Objektif	Pembinaan Kompleks Gunasama lengkap 1 Dewan Kuliah 120, 2 Dewan Seminar 200 dan 1 Dewan Seminar 500 untuk kegunaan pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan.
Kapasiti	1,020 orang
Tarikh Mula	06.05.2021
Tarikh Jangka Siap	24.07.2023
Kos Projek	RM 14.4 juta



PEMBINAAN KOMPLEKS FAKULTI PERUBATAN VETERINAR (FPV), UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN, KAMPUS BACHOK

Objektif	Pembinaan Kompleks FPV lengkap dengan bangunan akademik, makmal pengajaran, klinik haiwan, bangunan sokongan dan perolehan peralatan.
Kapasiti	2,034 orang
Tarikh Mula	28.04.2021
Tarikh Jangka Siap	22.06.2024
Kos Projek	RM122.1 juta




PEMBINAAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR DI KAMPUS BACHOK

Objektif	Pembinaan 8 Blok Kolej Kediaman Pelajar termasuk Pejabat Asrama, Rumah Felo dan Rumah Pengetua
Kapasiti	3,024 Pelajar
Tarikh Mula	21.11.2022
Tarikh Jangka Siap	16.11.2025
Kos Projek	RM130.5 juta



PEMBINAAN JALAN UTAMA, JARINGAN JALAN DALAM KAMPUS DAN KERJA- KERJA INFRASTRUKTUR KAMPUS BACHOK (FASA II)

Objektif	Pembinaan infrastruktur termasuk jalan dan bekalan elektrik bagi menghubungkan pusat pentadbiran sedia ada ke tapak bangunan fakulti baharu, zon industri, zon pertanian, zon penternakan dan zon penyelidikan dalam kampus.
Tarikh Jangka Mula	12.06.2023
Tarikh Jangka Siap	12.12.2025
Kos Projek	RM29.552 juta



MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR KAMPUS JELI

Objektif	Menaik taraf jalan dan infrastruktur sedia ada bagi menghubungkan jalan dalam kampus ke kawasan Agro Technology Park
Kapasiti	-
Tarikh Jangka Mula	15.08.2023
Tarikh Jangka Siap	13.12.2024
Kos Projek	RM8 juta



2022

PENCAPAIAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11/KE-12

**336**

JUTA
PERUNTUKAN
KESELURUHAN

**6**

JUMLAH
PROJEK

**4**

PROJEK
PEMBANGUNAN
BAHARU

**1**

PROJEK
INFRASTRUKTUR
BAHARU

**1**


PROJEK
NAIK TARAF
INFRASTRUKTUR

**5**

UMK BACHOK

**1**

KAMPUS
JELI



* MERANGKUMI PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN SELAIN PEMBANGUNAN TERMASUK BELANJA MENGURUS, GERAN, TABUNG AMANAH DAN WAKAF

**PROJEK/
PENCAPAIAN**
12 PROJEK RM1.71 JUTA



SENARAI PROJEK YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2022

	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	Ubah Suai Bilik Kebal Bahagian Pentadbiran Akademik	45,555.00
2	Pembinaan Rumah Hijau Pengering Solar di Kampung Geting, Tumpat (Geran)	199,340.00
3	Naik Taraf Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tok Bali (Geran)	35,244.35
4	Ubah Suai Galeri Universiti, Bangunan Sultan Ismail Petra	210,150.00
5	Penyambungan Paip Kumbahan Masjid UMK	70,000.00
6	Bekalan Elektrik Luar Bangunan Untuk Stor Bahan Kimia Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi dan Bengkel Penyelidikan Fakulti Industri Asas Tani di Kampus Jeli	152,600.00
7	Pembinaan Sistem Penapis Air Alternatif di Tangki Air Utama UMK Bachok	287,320.00
8	Pembinaan Bengkel Penyelidikan Fakulti Industri Asas Tani di Kampus Jeli	327,000.00
9	Pembinaan Stor Bahan Kimia dan Alat Radas Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi di Kampus Jeli	233,000.00
10	Ubah Suai Pejabat Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi di Bangunan Canselori, UMK Bachok	72,015.00
11	Naik Taraf Tangga di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok	36,000.00
12	Ubah Suai Studio Kebudayaan di Bangunan Gunasama Kolej Kediaman, Kampus Jeli	46,660.00
	Jumlah (RM)	1,714,884.35





PEMBINAAN SISTEM PENAPIS AIR ALTERNATIF DI TANGKI AIR UTAMA UMK BACHOK

Pelanggan	-
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	12 MEI 2022
Tarikh Serah kepada Pelanggan	-
Harga Kontrak Semasa	RM267,820.00
Kontraktor	AFIQ MAJU RESOURCES



PEMBINAAN BENGKEL PENYELIDIKAN FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

Pelanggan	FIAT
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	22 DISEMBER 2022
Tarikh Serah kepada Pelanggan	01 MAC 2023
Harga Kontrak Semasa	RM327,000.00
Kontraktor	AZ JAYA TRADING



PEMBINAAN STOR BAHAN KIMIA DAN ALAT RADAS FAKULTI BIOKEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI

Pelanggan	FBKT
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	22 DISEMBER 2022
Tarikh Serah kepada Pelanggan	01 MAC 2023
Harga Kontrak Semasa	RM233,000.00
Kontraktor	MH SMART TRADING



**UBAH SUAI PEJABAT PUSAT PENGURUSAN
PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI BANGUNAN
CANSELORI, UMK BACHOK**

Pelanggan	RMIC
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	15 JUN 2022
Tarikh Serah kepada Pelanggan	18 JULAI 2022
Harga Kontrak Semasa	RM72,015.00
Kontraktor	RUZELAN BIN SEMAN



**NAIK TARAF TANGGA DI DEWAN TUANKU
CANSELOR, UMK BACHOK**

Pelanggan	-
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	21 NOVEMBER 2022
Tarikh Serah kepada Pelanggan	-
Harga Kontrak Semasa	RM26,000.00
Kontraktor	SENAK JAYA ENTERPRISE





AKTIVITI 2022

MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK - PROJEK PEMBANGUNAN UNIVERSITI AWAM (PPUA), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BIL.1/2022

Tarikh 27 Jun 2022

Tempat UNIMAP

Pemantauan projek- projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia oleh Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi.



MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BIL.1/2022

Tarikh 28 Mac 2022

Tempat Dalam Talian

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri KPT.



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BIL.1/2022

Tarikh 15 Jun 2022

Tempat Bangunan Canselori Sultan Ismail Petra, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok

Perbincangan isu-isu pembangunan universiti dan saranan pembangunan daripada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dipengerusikan oleh Naib Canselor UMK.



MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK - PROJEK PEMBANGUNAN UNIVERSITI AWAM (PPUA), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BIL.2/2022

Tarikh 31 Julai 2022

Tempat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, KPT.



LAWATAN KERJA OLEH KETUA PENGARAH KERJA RAYA KE TAPAK PROJEK

Tarikh 18 September 2022

Tempat Tapak Projek Pembinaan Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok

Pemantauan projek UMK - Pembinaan Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR).



MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN UNIVERSITI AWAM (PPUA), KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BIL.3/2022

Tarikh 17 Oktober 2022

Tempat : KPT

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha, Bahagian Pembangunan, KPT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BIL.5/2022

Tarikh 27 Oktober 2022

Tempat USIM

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Bahagian Pembangunan, KPT



MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BIL.5/2022

Tarikh 24 November 2022

Tempat KPT

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan, KPT.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BIL.2/2022

Tarikh 7 DISEMBER 2022

Tempat Bangunan Canselori Sultan Ismail Petra,
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok

Membincangkan isu-isu pembangunan universiti dan saranan pembangunan dari Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dipengerusikan oleh Naib Canselor UMK.



MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BIL.7/2022

Tarikh 22 DISEMBER 2022

Tempat UPM

Pemantauan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Bahagian Pembangunan, KPT.



3PI TELAH MEMPEROLEHI
1 PROJEK MENAIK TARAF
INFRASTRUKTUR DI BAWAH
RP2 TAHUN 2022 DENGAN
KOS KESELURUHAN SEBANYAK

RM 8 JUTA

”



Laporan Prestasi 3PI 2022 PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI)

Bab 6

TEKNIKAL KAMPUS JELI



Bahagian Teknikal Kampus Jeli (BTKJ), Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan penyelenggaraan bangunan, pengurusan landskap dan perkhidmatan fasiliti di Kampus Jeli. Antara fasiliti dan infrastruktur yang berada di bawah tanggungjawab BTKJ adalah sepertimana berikut:

Sistem bekalan air yang melibatkan tangki air utama, tangki air domestik serta paip air primer dan sekunder di seluruh kampus.



Sistem bekalan elektrik yang melibatkan MSB, transformer, serta rangkaian kabel dan pendawaian elektrik di setiap bangunan.



Sistem bekalan rawatan kumbahan yang melibatkan loji rawatan kumbahan, sistem tangki, lurang, laluan paip bawah tanah yang berada di seluruh kampus.



Sistem bekalan pengudaraan dan penghawa dingin yang melibatkan chiller (sistem penghawa dingin berpusat) dan sistem individu.




Landskap kampus melibatkan kemudahan kolam, gazebo, pintu gerbang, pokok-pokok hiasan dan sebagainya.




ADUAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN MEKANIKAL

Data menunjukkan jumlah aduan kerosakan mekanikal yang dilaporkan berbanding jumlah pembaikan yang berjaya diselesaikan dalam tahun 2022. Secara keseluruhannya, kesemua aduan berjaya diambil tindakan dan diselesaikan sepertimana dirancang. Kerja-kerja pembaikan ini berjaya dilaksanakan sama ada secara sendiri dan juga melalui pelantikan kontraktor.



ADUAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN ELEKTRIK


Data menunjukkan jumlah aduan kerosakan elektrik yang dilaporkan berbanding jumlah pembaikan yang berjaya diselesaikan dalam tahun 2022. Secara keseluruhannya, sebanyak 1101 (99%) aduan daripada 1106 aduan berjaya diambil tindakan dan diselesaikan sepertimana dirancang. Kerja-kerja pembaikan ini berjaya dilaksanakan sama ada secara sendiri dan juga melalui pelantikan kontraktor.






ADUAN DAN PEMBAIKAN KEROSAKAN AWAM

Data menunjukkan jumlah aduan kerosakan bagi kerja-kerja awam yang dilaporkan berbanding jumlah pembaikan yang berjaya diselesaikan dalam tahun 2022. Secara keseluruhannya, sebanyak 1632 (99%) aduan daripada 1641 aduan berjaya diambil tindakan dan diselesaikan sepertimana dirancang. Kerja-kerja pembaikan ini berjaya dilaksanakan sama ada secara sendiri dan juga melalui pelantikan kontraktor.



STATISTIK KESELURUHAN ADUAN KEROSAKAN


Berikut merupakan statistik aduan kerosakan bagi semua bidang Mekanikal, Elektrik dan Awam yang dilaporkan dalam tahun 2022. Secara keseluruhannya, aduan kerosakan berkaitan dengan kerja-kerja awam adalah paling tinggi diikuti dengan aduan kerja-kerja elektrik dan seterusnya aduan kerja-kerja mekanikal.





STATISTIK PENGGUNAAN RUANG UMK KAMPUS JELI 2022

Dewan Utama dan Dewan Serbaguna merupakan ruang yang paling kerap digunakan di UMK Kampus Jeli bagi tujuan penganjuran program-program rasmi Universiti dan juga program pelajar.





Laporan Prestasi 3PI 2022 PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI)

Bab 7

KEWANGAN





BELANJA MENGURUS 2022 PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI)

Perbelanjaan mengurus bagi Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur sehingga 31 Disember 2022 merekodkan perbelanjaan sebanyak RM24,667,770.90. Setakat 31 Disember 2022, dicatatkan baki peruntukan sebanyak RM1,002,303.10 dan lebihan ini diakrukan dan digunakan bagi tujuan pembayaran bil-bil berkala pada 2022.



KUMPULAN WANG MENGURUS 3PI

Pendapatan:	7,000,000.00
Pemberian Kerjaan	13,000,000.00
-Peruntukan Asal	20,000,000.00
-Pindahan peruntukan	5,670,074.00
	25,670,074.00
Tolak : Perbelanjaan	
Vot 14000	472,981.17
Vot 15000	50.00
Vot 21000	299,250.93
Vot 23000	6,757,237.2
Vot 24000	1,672,528
Vot 25000	2,026.05
Vot 26000	593,142.94
Vot 27000	865,677.55
Vot 28000	3,661,397.85
Vot 29000	5,632,711.56
Vot 32000	60,055.19
Vot 33000	314,673.25
Vot 34000	386,400.00
Vot 35000	2,210,940.00
Vot 52000	1,738,699.21
Jumlah	24,667,770.90
Baki pada 31 Disember 2022	1,002,303.10

TABUNG AMANAH PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN INFRASTRUKTUR (3PI) INFRASTRUKTUR (3PI)


3PI mempunyai dua Tabung Amanah yang telah ditubuhkan dengan Kumpulan Wang Amanah Universiti dan dikenali sebagai Tabung Amanah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (TAPPIA) dan Tabung Amanah Pembangunan Infrastruktur UMK (ATPEMU).

Tabung Amanah Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (TAPPIA)

Tabung Amanah ini bertujuan untuk:

- i. Menempatkan dana yang diperolehi daripada hasil penajaan pendapatan oleh pihak Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI) dengan cara yang telus serta menepati proses dan prosedur kewangan Universiti yang berkuatkuasa;
- ii. Dana yang terkandung dalam Tabung ini dapat digunakan semula bagi tujuan pelaksanaan program dan aktiviti, pembayaran dan pembelian peralatan/bahan yang diperlukan oleh 3PI; dan
- iii. Sehingga 31 Disember 2022 Tabung TAPPIA mempunyai baki keseluruhan sebanyak RM36,073.59.

TAPPIA	PENDAPATAN	BAKI
RM22,953.59	RM13,150.00	RM36,073.59






Tabung Amanah Pembangunan Infrastruktur UMK (ATPEMU)

Tabung Amanah ini bertujuan untuk:

- i. Menyediakan peluang kepada penyumbang / penderma (korporat atau individu) atau mana-mana pihak menyalurkan sumbangan kewangan;
- ii. Membiayai projek pembangunan infrastruktur baharu;
- iii. Membiayai projek naik taraf dan ubah suai infrastruktur yang sedia ada;
- iv. Membiayai perolehan peralatan dan perabot;
- v. Membiayai penyelenggaraan, pembaikan dan perkhidmatan infrastruktur atau kemudahan; dan
- vi. Sehingga 31 Disember 2022 Tabung ATPEMU mempunyai baki keseluruhan sebanyak RM37,812,597.96.

PENDAPATAN	PERBELANJAAN	BAKI
RM39,754,434.83	RM1,941,836.87	RM37,812,597.96



PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT SERVIS 3PI 2022

Bil.	Bulan	Jumlah (RM)
1.	Januari	540.00
2.	Februari	350.00
3.	Mac	650.00
4.	April	570.00
5.	Mei	605.00
6.	Jun	450.00
7.	Julai	260.00
8.	Ogos	140.00
9.	September	1,015.00
10.	Oktober	470.00
11.	November	510.00
12.	Disember	505.00
JUMLAH KESELURUHAN		6,065.00

